

05/12/2000

Khidmat Arcnet tumpu pelanggan perniagaan

Kadir Dikoh; Halim Yusoff

NTT MSC Sdn Bhd (NTT MSC) yang melancarkan pakej perkhidmatan Internet dengan jenama Arcnet semalam, merancang memberi lebih penumpuan kepada pelanggan perniagaan berbanding individu.

Antara pasaran yang disasarkan adalah syarikat multinasional, syarikat dot-com dan perusahaan kecil dan sederhana, kata Presiden/Ketua Eksekutif NTT MSC, Hotta Akio.

Beliau berkata, berbanding Jaring dan TMNet, NTT MSC akan lebih memfokus kepada pelanggan perniagaan berbanding individu.

Perkhidmatan dan produknya yang berasaskan Internet termasuk capaian Internet, pusat data, hos laman web, aplikasi perdagangan elektronik, aplikasi gerbang, e-dagang dan sistem pembayaran dalam talian.

Katanya, daripada ujian yang dijalankan dari Julai hingga September tahun ini, kira-kira 2,000 pelanggan sudah melanggan perkhidmatan Arcnet.

Sehingga kini, perkhidmatan pusat data/hos laman web Arcnet sudah mengumpulkan lebih 20 syarikat antarabangsa yang mana sebahagian besarnya adalah syarikat dot com.

"Ini adalah satu perkembangan di luar jangkaan syarikat terhadap penerimaan mutu perkhidmatan yang diberikannya," katanya selepas pelancaran Arcnet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

Tahun depan, NTT MSC bercadang memberikan tumpuan kepada bekalan perkhidmatan berasaskan Internet yang bermutu kepada syarikat dot-com baru dan dijangka mencatat perolehan tahunan kira-kira RM6 juta.

Selain itu, syarikat berkenaan akan melabur RM30 juta lagi untuk membina Pusat Data Internet yang membolehkannya mengembangkan kegiatan dalam bidang simpanan data.

Akio berkata pusat itu yang akan beroperasi sepenuhnya menjelang separuh kedua 2001, menyokong rangkaian pusat data global NTT Communications.

Katanya, pembukaan pusat itu adalah sebahagian daripada komitmen NTT Communications kepada MSC Malaysia.

NTT MSC adalah anak syarikat milik penuh NTT Communications Corporation, syarikat telekomunikasi dan pembekal perkhidmatan teknologi maklumat (IT) yang terbesar di Jepun dan antara yang terbesar di dunia.

(END)